

Headline	SPNB kaji pasang panel solar di Rumah Mesra Rakyat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	14
ArticleSize	289 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 28,819		



## SPNB kaji pasang panel solar di Rumah Mesra Rakyat



Husam (kiri) selepas merasmikan Sistem E-RMR di Shah Alam, semalam.  
 (Foto Amirudin Sahib/BH)

**Shah Alam:** Penyedia rumah mampu milik, Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) sedang mengkaji cadangan memasang panel solar di unit kediaman yang dibina mereka.

Pengerusi SPNB, Datuk Husam Musa, berkata walaupun cadangan itu masih di awal perbincangan, ia dilihat bertepatan dengan hasrat kerajaan meningkatkan penggunaan teknologi hijau di negara ini.

"Kita terbuka bekerjasama dengan mana-mana pengeluar untuk memasang panel solar di rumah kediaman menerusi program Rumah Mesra Rakyat (RMR).

"Perkara ini saya fikirkan mampu membantu mengurangkan beban pembeli RMR yang kebanyakannya golongan berpendapatan rendah atau B40.

"Jika perkara ini memberi manfaat kepada pelanggan SPNB, kita perlu kajian lebih mendalam mengenainya," kata-nya selepas merasmikan Sistem E-RMR di sini, semalam.

Husam berkata, pihak ketiga atau syarikat yang terbabit dalam pemasangan panel solar itu boleh menyediakan bantuan kewanginan kepada pemilik rumah bagi menampung kos pemasangan, sekali gus dapat meraih manfaat menerusi tenaga elektrik terhasil yang akan dijual kepada TNB.

Dalam pada itu, ditanya mengenai pengambilalihan projek 'sakit' atau terbengkalai, Husam berkata, SPNB sedia tampil membantu jika diminta berbuat demikian.

Katanya, antara 2002-2017, SPNB berjaya membaik pulih se-

banyak 24,454 unit rumah membabitkan 56 projek sakit.

Beliau berkata, SPNB kini dalam proses menambahbaik program itu dengan menyasarkan projek yang bermasalah pada peringkat awal.

"Kita juga akan mengutamakan rumah yang diberi oleh penjawat awam terlebih dahulu untuk dipulihkan atau diambil alih," katanya.

Husam berkata, sehingga kini belum ada arahan rasmi dari kerajaan untuk SPNB mengambil alih mana-mana projek 'sakit'.

Dalam pada itu, katanya, pelancaran sistem E-RMR bertujuan memperkasakan pelaksanaan Program RMR.

Katanya, pelaksanaan E-RMR adalah selaras dengan usaha kerajaan bagi transformasi pendigitalan dan bebas kertas.